


Edisi Khas Sasterawan Negara

ANWAR RIDHWAN



Hari-Hari Terakhir
**SEORANG
SENIMAN**





SUDAH masuk bulan Februari sekarang. Semua penduduk desa telah mengetahui bahawa tentera Jepun sudah menduduki Semenanjung. Apa yang mereka perbualkan dulu – baik di surau mahupun di rumah Pak Hassan – sudah menjadi kenyataan. Sudah benar-benar berlaku.

Sekolah umum sedang ditutup. Ada khabar baru yang menyatakan ia akan segera dibuka dengan bahasa Jepun sebagai bahasa pengantar. Beberapa orang guru, orang awam serta seorang pekerja rumah sakit sedang giat mempelajari bahasa Jepun itu. Mereka kelak akan mengajar di sekolah tersebut.

Walaupun sudah masuk bulan Februari, belum ada seorang tentera Jepun pun yang datang atau melintasi desa tersebut. Penduduk desa berterima kasih kepada Allah yang

mengurniakan pemandangan alam di mana desa itu agak sukar dilihat dari jalan pasir yang sempit di pinggir laut. Tanah perkuburan sudah ditakluk lalang yang tinggi lagi kasar, menyebabkan sukar untuk dikesan. Tanpa tanda-tanda penempatan, mungkin tentera-tentera Jepun melewati saja desa itu. Demikianlah anggapan beberapa orang penduduk desa.

Sejak kedatangan Jepun, tidak ada lagi pelajaran agama dan mengaji Quran di rumah Imam Mahali. Kanak-kanak perempuan, para perawan serta perempuan-perempuan desa ditegah daripada keluar rumah dari waktu masuk sembahyang maghrib sampailah menjelang subuh keesokan harinya. Rupa-rupanya mereka sudah mendapat tahu tentang keserakahan tentera-tentera Jepun terhadap perempuan. Berita yang menyeramkan itu dibawa dan disebar oleh beberapa orang penduduk yang lewat pulang.

Oleh sebab Senah dapat tidur lebih awal, pagi-pagi lagi dia sudah bangun. Bunyi hujan penghabisan menimpa bumbung rumah dengan lembut, dan tidak lama kemudian hujan itu teduh langsung.

Sepanjang malam tadi dia hanya tidur berkemban. Sesudah bangun pada pagi itu barulah badannya berasa sejuk, lalu mencapai baju kurungnya yang sudah berusia dan memakainya.

Membuka pintu depan perlahan-lahan, Senah mengamati sekitar kolam di depan rumah. Keremang-remangan masih meraja dan kabus putih terapung tidak bergerak mengisi ruang. Sejak kedatangan Jepun, dia selalu berawas-awas untuk turun di waktu pagi. Siapa tahu nanti tiba-tiba muncul seorang tentera Jepun yang serakah lalu menodainya? Itulah yang dibimbangnya.

Sebelum kedatangan Jepun, dia bebas turun ke tanah bila-bila masa saja, seperti untuk mandi, pergi mengaji dan sebagainya. Kini dia sudah kehilangan saat-saat bebas serupa itu.

HARI-HARI TERAKHIR SEORANG SENIMAN

Pokok-pokok bunga raya yang mengelilingi kolam diam kaku diselimuti kabus putih. Di halaman, air yang keruh tergenang di sana sini. Katak bersahut-sahutan dengan nada yang sama dari tadi tanda mereka tidak dikejutkan oleh sesuatu yang aneh di situ. Pastilah kepada Senah bahawa saat itu adalah baik untuknya turun mandi.

Dengan langkah yang tetap dia menuruni tangga rumahnya, menuju ke kolam dengan menapaki bongkah-bongkah kayu, satu demi satu. Katak berhenti bersuara sebentar, sebelum berbunyi lagi ngeet ngoot dengan riuhnya.

Selepas mandi, Senah naik ke rumah menunaikan sembahyang fardu subuh. Adalah menjadi kebiasaannya memasak air, membuat sarapan dan membasuh pinggan mangkuk yang telah digunakan pada sebelah malam sesudah dia menunaikan sembahyang subuh. Tetapi, oleh sebab malam tadi dia sudah membasuh pinggan-pinggan yang digunakan untuk makan malam, pagi ini air di dalam pasu besar di dapur sudah habis. Senah harus turun ke perigi pula untuk mengambil air.

Seperti untuk turun ke kolam, untuk turun ke perigi juga membimbangkan Senah. Hari masih pagi benar dan tidak jauh dari perigi terdapat semak-semak yang gelap. Dia khuatir kalau-kalau di semak itu pun ada tentera Jepun yang serakah sedang menunggunya.

Pagi mulai terang. Kemudian Senah terdengar batuk-batuk ayahnya. Hatinya mulai berani kerana kalau ada sesuatu yang datang menyergap, dia boleh memekik minta tolong dan tentulah ayahnya akan datang menyelamatkan. Dengan timba di tangan kanannya, dia mula menapak menuruni tangga belakang. Pemegang timba itu diikat dengan tali sabut sebesar jari kelengkeng, lima kaki panjangnya. Sewaktu turun tangga, hujung tali itu berjuntai di sisi tumit Senah yang putih. Hujung tali itu tersangkut dan jatuh dari satu anak tangga ke satu anak tangga yang lain setiap kali Senah melangkah turun tangga.

Kira-kira jam tujuh pagi, Senah sudah menyiapkan air minuman dan sarapan. Untuk ayahnya, di dalam sebuah gelas besar tersedia air teh tanpa gula. Untuk dirinya sendiri dan Mat Junuh, air teh penuh di dalam dua buah cawan, juga tanpa gula. Sarapan pagi itu ialah pisang rebus yang sudah diparut kasar-kasar. Pisang parut ini akan dimakan dengan ikan keli masak lemak cili api. Petang kelmarin Ramli memberi lima ekor ikan keli kepada Pak Hassan. Walaupun untuk sarapan pagi dua ekor saja sudah memadainya tetapi Senah memasaknya semua.

Dua ekor ikan keli sudah Senah hidangkan dalam dulang. Ikan yang kehitam-hitaman itu tergeletak dengan tanda-tanda kelar di sisi tubuhnya, sedangkan kuah santan yang putih dan berwap mengepungnya.

Tidak seperti pagi-pagi lain sebelum kedatangan Jepun, sekarang Senah harus memasak nasi untuk makan tengah hari pada waktu pagi. Di dapur, bara tempurung meletuskan bunyinya yang terakhir, lalu perlahan-lahan padam. Tidak lama lagi nasi akan masak.

Di desa ini, sejak kedatangan Jepun dan sejak merebaknya berita tentang keserakahan tentera Jepun, anak perawan dan orang-orang perempuan disembunyikan di suatu tempat dari kira-kira jam lapan pagi sampailah jam enam sore. Mereka dikawal oleh empat orang pemuda pada setiap hari. Oleh sebab waktu tersebut adalah panjang, menjemukan dan kadang-kadang membimbangkan, anak perawan dan orang-orang perempuan membawa kain jahitan atau anyaman pandan mereka ke sana. Selain itu, mereka membawa bekal makan tengah hari, telekung dan tikar sembahyang.

Setelah siap mandi, sembahyang dan duduk termenung melayan khayalannya, Pak Hassan datang ke ruang dapur, sebagaimana kebiasaannya, untuk sarapan. Dia berjalan perlahan sekali kerana kedua-dua belah kakinya mulai terasa sakit lagi. Waktu dia duduk, lututnya bunyi berkeletup dua kali.

HARI-HARI TERAKHIR SEORANG SENIMAN

“Mana Mat Junuh?” Lelaki tua itu bertanya sebelum minum.

“Tadi di bawah, ayah. Senah dengar dia mengoyakkan sabut,” jawab Senah. Kemudian dengan lincah tangannya meniat daun-daun pisang.

“Mat Junuh!”

“Hmm!” Satu suara menyahut dari bawah rumah.

“Minum!”

“Hmm.” Kali ini agak perlahan.

Lelaki tua itu menyeropot minumannya. Dengan tangan, diambilnya beberapa genggam pisang parut lalu diletakkan di atas pinggannya. Kemudian lelaki tua itu mencedok kuah dengan sudu, dan mengambil ikan keli itu sekerat. Dia mulai makan sekarang.

Mat Junuh naik. Seluar pendeknya yang berwarna hitam dan labuh ke bawah lutut dilekati habuk-habuk sabut. Pak Hassan terus makan sewaktu Mat Junuh duduk di sisinya.

“Mat tak mahu ini.”

“Habis, mahu makan apa?” Senah bertanya, tangannya sibuk mencedok nasi dan menempatkannya ke atas daun pisang. Wap nasi yang panas melenggang naik, menipis lalu hilang.

“Hendak ... hendak makan dengan kelapa.”

“Hm!” Senah bersuara agak kesal.

“Makanlah dengan lauk ini, Mat. Sedap!” Pak Hassan cuba memujuk.

“Tak mengapalah, ayah. Biar Senah buat,” tukas Senah, lalu meninggalkan nasi di atas daun pisang. Kemudian, tangannya yang pantas itu sudah memarut kelapa.